

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

FEL 405 Pengurusan Farmasi Hospital

Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA (5) soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (A) Anda dikehendaki memberi kaunseling kepada seorang pesakit secara individu. Data asas pesakit:

Umur : 45 tahun
Jantina : Lelaki
Diagnosis: Hipertensi, diabetes melitus, kegagalan jantung kongestif.

Tujuan hadir ke klinik: Rawatan susulan; mengadu keaburan penglihatan serta mendapat ulser di kaki kanan.

Drug yang dipreskripsikan:

Metformin 500 mg tds x 2/12
Glibenklamid 5 mg bd x 2/12
Prazosin 3 mg tds x 2/12
Frusemid 40 mg OM x 2/12
Tablet kalium 600 mg bd x 2/12
Kloksasilin 500 mg qid x 1/52

- (i) Terangkan pendekatan anda untuk memberi kaunseling kepada pesakit ini.

(8 markah)

- (ii) Nyatakan kaedah penyukatan komplians pesakit yang sesuai pada keadaan klinikal.

(4 markah)

- (B) (i) Sesuatu drug itu perlu melalui beberapa proses sebelum ia dapat bertindak ke atas pesakit. Nyatakan proses-proses ini.

(6 markah)

- (ii) Teofilin merupakan satu drug yang dimonitorkan secara pemantauan terapeutik drug (TDM). Bincangkan kesesuaian teofilin sebagai satu drug contoh untuk mengendalikan TDM.

(7 markah)

2. Encik ABC telah dimasukkan ke hospital kerana kanser kolon. Doktor akan membedahnya untuk mengeluarkan kansernya dalam tempoh dua minggu akan datang.

Doktor telah menghubungi Pegawai Farmasi untuk memulakan nutrisi parenteral. Data asas yang diperolehi adalah:

Umur : 60 tahun
Berat : 46 kg
Tinggi : 176 sm
Natrium: 135 mMol/l
Kalium : 4.6 mMol/l
Kalsium: 2 mMol/l
Urea : 4 mMol/l
Glukosa rawak: 14 mMol/l

- (A) Hitungkan keperluan tenaga ABC.

(8 markah)

- (B) Hitungkan keperluan dekstrosa, protein dan lemak ABC.

(10 markah)

- (C) Berikan satu contoh regimen Nutrisi Parenteral yang sesuai untuk ABC.

(7 markah)

3. (A) Dalam menjalankan perkhidmatan maklumat drug, ahli farmasi haruslah mengendalikan pertanyaan secara sistematik. Huraikan maksud pendekatan ini serta nyatakan kebaikannya.

(10 markah)

- (B) Nyatakan tiga (3) kategori utama sumber maklumat drug yang selalu digunakan dalam sesebuah perkhidmatan maklumat drug serta berikan dua (2) contoh bagi setiap satu. Terangkan perbezaan yang terdapat dalam setiap kategori ini.

(5 markah)

- (C) Terangkan pendekatan yang harus diambil semasa melakukan pencarian maklumat drug.

(4 markah)

- (D) Ringkaskan pertimbangan-pertimbangan yang harus dilakukan semasa menilai sesuatu literatur primer.

(6 markah)

...5/-

4. (A) Huraikan dengan ringkas tentang perkara-perkara berikut:

(i) Kepentingan keserasian di dalam admikstur intravena.

(4 markah)

(ii) Data input di dalam pengkomputeran sistem inventori.

(4 markah)

(iii) Penggunaan asid amino di dalam Nutrisi Parenteral untuk pesakit hepar.

(4 markah)

(B) Pengurusan Farmasi Hospital Kerajaan di Malaysia menggunakan kaedah 'Pengurusan Mengikut Objektif' atau 'Strategi Pembangunan'.

(i) Huraikan kenapa kaedah ini digunakan.

(ii) Beri contoh yang sesuai untuk menyokong huraian di atas.

(7 markah)

(C) Sebagai seorang Ahli Farmasi, anda ditugaskan di bahagian penerimaan barang-barang di setor sebuah hospital. Pembekal membekalkan disposable syringe 2.5 ml sebanyak 70,000 buah. Catatkan satu persatu pemeriksaan yang anda mesti lakukan semasa penerimaan tersebut.

475

(6 markah)

5. Lukiskan pelan tapak (layout plan) bilik suci mengikut keperluan Amalan Perkilangan Baik (Good Manufacturing Practice) untuk sediaan injeksi yang sediaan terakhir disucihamakan dengan mengguna autoklaf. Bilik tersebut hendaklah mempunyai:-

- a. Ante Room
- b. Setor bahan mentah
- c. Kawasan membancuh (mixing) sediaan
- d. Kawasan timbang menimbang/sukat menyukat
- e. Kawasan mengisi dan menutup (filling and capping/sealing)
- f. Kawasan autoklaf

Berikan alasan untuk susunan lokasi a hingga f di atas.

(25 markah)